



Perpustakaan  
Dewan Undangan Negeri  
Trengganu.

**DEWAN NEGERI TRENGGANU**

**YANG KEDUA**

**PENYATA RESMI  
MESHUARAT DEWAN NEGERI**

**Persidangan kali yang pertama  
dalam  
Penggal Persidangan Yang Keenam (1969)**  
(pada 15 haribulan Mach, 1969)

*di-keluarkan oleh,*

**SETIA USAHA DEWAN NEGERI,  
TRENGGANU.**

Persidangan pada 15hb Mach, 1969

K A N D O N G A N

<u>TERTIB PEKERJAAN</u>	<u>MUKA</u>
Nama Ahli2 ... ..	1
I. Membacha Do'a ... ..	2
II. Kertas2 Yang di-Bentangkan di-atas Meja. ... ..	2
III. <u>Chadangan2</u>	
1. Jawstankuasa Kira2 Wang Kerajaan.	3
2. Jawstankussa Peratoran2 dan Perentah2 Tetap dan Kebebasan serta Imbohan kepada Ahli2 Dewan Negeri. ...	3
3. Tambahan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan untok Ranchangan Kemajuan Bekalan Ayer Negeri Trengganu bagi tahun 1969. ... ..	7 - 8
4. Tambahan Peruntokan yang pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan untok Ranchangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1969. ... ..	8 - 9
IV. <u>Rang Undang2</u>	
1. Enactment Ketetapan Hak Tanah (Pindaan) Tahun 1969. ... (R.U. Bilangan 1 Tahun 1969) (rundingan di-dalam semua perengkat)	4 - 5
2. Enactment Perbelanjaan (1968) Tambahan Yang Kelima Tahun 1969. ... (R.U. Bilangan 2 Tahun 1969) (rundingan di-dalam semua perengkat)	5 - 6
3. Enactment Perbelanjaan (1969) Tambahan Yang Pertama Tahun 1969. ... (R.U. Bilangan 3 Tahun 1969) (rundingan di-dalam semua perengkat)	6 - 7
V. Tanggohan -	
1. Uchapan Y.A.B. Menteri Besar ...	9 - 10
2. Uchapan Y.B. Tuan Speaker ...	10.

\* \* \* \* \*

NEGERI TRENGGANU

DEWAN NEGERI

---

Penggal Persidangan Yang Keenam Dewan Negeri Yang Kedua

---

Hari Sabtu 15 haribulan Mach, 1969

Dewan Negeri mulai bersidang pada pukul 10.00 pagi

Di-Dewan Negeri, Kuala Trengganu.

H A D H I R

Yang Berhormat Tuan Speaker, Che Wan Abdul Ghani bin Zainal, SMT.,JP. ...	Wakil Kemaman Utara
Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Ibrahim Fikri bin Mohamed, SPMT.,PMN.,PPT.	Wakil Kuala Nerus
Yang Berhormat Dato' Mansor bin Mohamed, DPMT.,AMN.	Wakil Batu Rakit
" " Enche Sulong bin Mahmood, SMT.,PJK.	Wakil Paka Kerteh
" " Haji Abdul Muttalib bin Haji Salleh, SMT.,PJK.	Wakil Batu Burok
" " Dato' Tan Eng Ann, DPMT.,AMN.,JP.,PJK.	Wakil Bandar
" " Wan Ishak bin Ali, SMT.,PJK. ...	Wakil Kampong Raja
" " Haji Abdul Rahman bin Kassim, SMT.,PJK.	Wakil Ulu Trengganu Timor.
" " Haji Wan Din bin Embong, SMT. ...	Wakil Sura
" " Engku Wok Abdul Rahman bin Abdul Kadir, SMT.,PJK.	Wakil Kuala Trengganu Tengah.
" " Enche Ahmad bin Haji Umar ... ..	Wakil Binjai
" " Enche Abdul Rashid bin Muhammad,PJK.	Wakil Jeram
" " Enche Abdul Rahman bin Long, PJK....	Wakil Langkap
" " Haji Wan Ismail bin Haji Wan Musa, JP.	Wakil Kemaman Selatan
" " Enche Zakaria bin Muda, PJK. ...	Wakil Kuala Besut
" " Enche Mahmood bin Sulaiman, PJK. ...	Wakil Ulu Trengganu Barat.
" " Enche Abdullah bin Haji Muhammad, PJK.	Wakil Marang
" " Enche Abdul Ghani bin Mohd.Amin, PJK.	Wakil Setiu
" " Tuan Pengeran (Syed Omar) bin Chik,PJK.	Wakil Bukit Besar
" " Enche Ngah bin Haji Awang ...	Wakil Chukai
" " Enche Hussin bin Othman ...	Wakil Besut Tengah
" " Haji Abdul Wahab bin Yunus ...	Wakil Ulu Dungun
" " Enche Lukman bin Haji Abdul Kadir..	Wakil Ulu Besut.

HADHIR menurut syarat dalam Fasal XIII(3) Undang2 Bagi Diri Kerajaan Trengganu  
(Bab Yang Pertama):

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Tengku Lela Segara, (Tengku Hassan bin Tengku Nara, DPMT.,PJK.)	
" " Penasihat Undang2 Negeri, Enche Abu Talib bin Othman	
" " Pegawai Wang Negeri, Dato' Aria Negara, (Haji Bachik bin Abdul Jala, SMT.,PJK.)	

TIDAK HADHIR

Yang Berhormat Dato' Kelana di-Raja, DPMT. ... (Wan Daud bin Haji Wan Ahmad, DPMT.)	Wakil Ladang. (pohon ma'af kerana uzor).
--	--

D.O.'A [di-baca oleh Setiausaha Dewan Negeri]

KERTAS2 YANG DI-BENTANGKAN DI-ATAS MEJA

D.N. Bilansan 1 Tahun 1969	...	...	Peruntukan Tambahan Yang Kelima Peranssaran 1968.
D.N. Bilansan 2 Tahun 1969	...	...	Peruntukan Tambahan Yang Pertama Peranssaran 1969.
D.N. Bilansan 3 Tahun 1969	...	...	Pembangunan (Tambahan Bil:1) Peranssaran 1969.
D.N. Bilansan 4 Tahun 1969	...	...	Pembangunan (Tambahan (Bil:1) Peranssaran 1969.

... 3.

C H A D A N G A N 2

Jawatankuasa Kira2 Wang Kerajaan

Yang Berhormat Enche Sulong: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa chadangan berbunyi -

"Bahawa Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan bersetuju melantek suatu Jawatankuasa Kira2 Wang Kerajaan menurut fasal 110 Peratoran2 dan Perentah2 Tetap Dewan Negeri, bagi penasal yang keenam Dewan Negeri yang kedua dan ahli2 Jawatankuasa itu terdiri daripada:-

1. Yang Berhormat Enche Abdul Rahman bin Long, PJK. - Penserusi
2. " " Enche Abdul Ghani bin Mohd. Amin, PJK.
3. " " Tuan Penseran (Syed Omar) bin Chik, PJK.
4. " " Enche Nisah bin Haji Awang
5. " " Enche Lukman bin Haji Abdul Kadir."

Yang Berhormat Enche Mahmood: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, chadangan ini kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan di-perse-tujukan.

CHADANGAN INI DI-TERIMA.

Jawatankuasa Peratoran2 dan Perentah2 Tetap  
dan Kebebasan serta Imbohan kepada  
Ahli2 Dewan Negeri

Yang Berhormat Haji Abdul Muttalib: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa usol ia-itu -

"Bahawa Dewan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju membuat ketetapan melantek suatu Jawatankuasa Peratoran2 dan Perentah2 Tetap dan Kebebasan serta Imbohan kepada Ahli2 Dewan Negeri bagi penasal yang keenam Dewan Negeri yang kedua menandongi ahli2 yang berikut:-

1. Yang Berhormat Tuan Speaker - Pengerusi
2. " " Dato' Mansor bin Mohamed, DPMT., AMN.
3. " " Haji Wan Din bin Embong, SMT.
4. " " Enche Zakaria bin Muda, PJK.
5. " " Haji Abdul Wahab bin Yunus
6. " " Penasihat Undang2 Negeri, Trengganu."

Yang Berhormat Enche Abdul Rahman Long: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, chadangan ini kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan di-perse-tujukan.

CHADANGAN INI DI-TERIMA.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Ahli2 Yang Berhormat sekalian, saya sula mengambil perhatian Ahli2 Yang Berhormat ia-itu usol yang ketiga dan ka-empat ini akan di-bawa selepas daripada Rang Undang2 di-bawah tertib peker-jaan 4(3) oleh sebab ini ada berkaitan dengan Rang Undang2 itu.

RANG UNDANG2

Enactment Ketetapan Hak Tanah (Pindaan)  
Tahun 1969

Bacahan Kali Yang Pertama

Yang Berhormat Tuan Speaker: Ahli2 Yang Berhormat sekalian, sebelum usul ini di-kemukakan, saya suka mengambil perhatian Ahli2 Yang Berhormat ia-itu dalam Rang Undang2 ini hendak-lah di-pinda section 5 ia-itu dalam nombor (vii) di-jadikan nombor (viii), paragraph dua itu, nombor (vii) itu di-jadikan nombor (viii). Selain daripada itu di-bahagian (e) ia-itu-lah "Fasal 7 Rang Undang2 ini ha-nya untuk membetulkan satu kesilapan yang di-buat pada masa merangka undan-2." hendak-lah di-potong semua sekali ia-itu fasal (e) tidak di-pakai.

Yang Berhormat Dato' Mansor: Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian, saya memohon izin membawa satu Rang Undang2 yang bergelar satu Enactment bagi meminda Enactment ketetapan Hak Tanah - di-bacha bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Syed Omar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

ENACTMENT KETETAPAN HAK TANAH (PINDAAN) TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG PERTAMA.

Menggantungkan Peratoran Tetap

Yang Berhormat Dato' Mansor: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon izin supaya di-tantangkan Peratoran2 dan Perintah2 Tetap Dewan menurut di-bawah kuasa fasal 122 supaya membolehkan Rang Undang2 ini di-bacha bagi kali yang kedua dan ketiga dan di-luluskan.

Yang Berhormat Syed Omar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

CHADANGAN MENGGANTONGKAN PERATORAN2 DAN PERENTAH2 TETAP DEWAN NEGERI DI-HADAPKAN KAPADA MESHUARAT DAN TELAH DI-PERSETUJUKAN DENGAN SABULAT SUARA.

Bacahan Kali Yang Kedua

Yang Berhormat Dato' Mansor: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menchadangkan Rang Undang2 yang bergelar suatu Enactment bagi meminda Enactment ketetapan Hak Tanah - di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan2 dan sebab2 Rang Undang2 ini di-kemukakan ia-lah dalam tahun2 yang sudah satengah2 bahagian daripada Enactment Settlement bilangan 65 tahun 1356 telah di-jalankan dengan terta'lok kepada section2 yang berkaitan kepada Undang2 Tanah bilangan 3 tahun 1357 yang mana telah di-batal-kan oleh section 438 bagi Kanun Tanah Negara Bilangan 56 tahun 1965.

Tujuan Rang Undan2 ini ada-lah untuk meminda bahagian2 yang berkaitan dan terkandung di-dalam Enactment Settlement bilangan 65 tahun 1356 supaya enactment yang tersebut ini selaras dengan Kanun Tanah Negara bilangan 56 tahun 1965 dan untuk mengelakkan daripada timbul-nya sebarang kekeliruan.

Yang Berhormat Syed Omar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, chadangan supaya Rang Undang2 ini di-bacha bagi kali yang kedua kemudian di-hadap-kan kepada meshuarat dan di-persetujukan.

ENACTMENT KETETAPAN HAK TANAH (PINDAAN) TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Tuan Speaker: Meshuarat menjadi Jawatankuasa.

ENACTMENT KETETAPAN HAK TANAH (PINDAAN) TAHUN 1969, TELAH DI-TIMBANGKAN DARI SAFASAL KA-SAFASAL DAN TELAH DI-PERSETUJUKAN DENGAN TIADA PINDAAN.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Meshuarat balek semula.

Bachaaan Kali Yang Ketiga

Yang Berhormat Dato' Mansor: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya melapor-kan bahawa Rang Undang2 ini telah di-bawa dalam Jawatankuasa dan di-luluskan dengan tiada apa2 pindaan maka dengan ini saya menhadangkan supaya Rang Undang2 ini di-bacha bagi kali yang ketiga dan di-luluskan.

Yang Berhormat Syed Omar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

Chadangan supaya Rang Undang2 ini di-bacha bagi kali yang ketiga kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan telah di-persetujukan.

ENACTMENT KETETAPAN HAK TANAH (PINDAAN) TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KETIGA.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Rang Undang2 ini di-luluskan dan menjadi Undang2 Bilangan 1 tahun 1969.

Enactment Perbelanjaan (1968) Tambahan  
Yang Kelima Tahun 1969

Bachaaan Kali Yang Pertama

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa satu chadangan ia-itu Rang Undang2 yang bernama suatu Enactment bagi menggunakan sajumlah wang daripada kumpolan wang yang di-satukan bagi perbelanjaan tambahan bagi pekerjaan tahun 1968 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud2 yang tertentu - di-bacha bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Enche Abdul Ghani: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1968) TAMBAHAN YANG KELIMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG PERTAMA.

Bachaaan Kali Yang Kedua

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa chadangan supaya Rang Undang2 yang bernama Enactment bagi menggunakan sajumlah wang daripada kumpolan wang yang di-satukan bagi perbelanjaan tambahan bagi pekerjaan tahun 1968 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud2 yang tertentu - di-bacha bagi kali yang kedua.

Ada pun tujuan Rang Undang2 ini ia-lah untuk memberi kuasa perundangan bagi di-buat bayaran2 tambahan untuk perkhidmatan2 Raya Negeri di-dalam tahun ini yang lebeh daripada yang di-luluskan oleh Enactment Perbelanjaan (1968) tahun 1967 dan Enactment Perbelanjaan (1968) Tambahan yang Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat tahun 1968, ia-itu-lah tambahan2 ini sebanyak \$13 ribu ini hendak di-tambahkan untuk penggunaan Majlis2 Tempatan dalam Negeri ini yang mengadu hal kekurangan kewangan-nya, jadi kita kena tambah lagi \$13 ribu dan di-pohon kelulusan.

Yang Berhormat Enche Abdul Ghani: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadanan ini.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, chadanan supaya Rang Undang-undang ini di-baca bagi kali yang kedua kemudian di-hadapkan kepada mesuarat dan di-persetujukan.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1968) TAMBAHAN YANG KELIMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Tuan Speaker: Mesuarat menjadi Jawatankuasa.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1968) TAMBAHAN YANG KELIMA TAHUN 1969, TELAH DI-TIMBANG-KAN DARI SAFASAL KA-SAFASAL DAN TELAH DI-PERSETUJUKAN DENGAN TIADA PINDAAN.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Mesuarat balek semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya suka ma'alomkan bahawa Rang Undang-undang ini telah di-timbangkan dalam Jawatankuasa bagi seluruh Dewan dan telah di-luluskan dengan tidak ada apa-apa pindaan maka saya pohon izin supaya Rang Undang-undang ini di-baca bagi kali yang ketiga dan di-luluskan.

Yang Berhormat Enche Abdul Ghani: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadanan ini.

Chadanan supaya Rang Undang-undang ini di-baca bagi kali yang ketiga kemudian di-hadapkan kepada mesuarat dan telah di-persetujukan.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1968) TAMBAHAN YANG KELIMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KETIGA.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Rang Undang-undang ini di-luluskan dan menjadi Undang-undang Bilangan 2 tahun 1969.

Enactment Perbelanjaan (1969) Tambahan Yang Pertama Tahun 1969

Bacaan Kali Yang Pertama

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa chadanan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Enactment bagi menjejaskan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang di-satukan untuk menambahkan perbelanjaan bagi pekerjaan tahun 1969 dan memperuntukkan jumlah wang itu kepada maksud yang tertentu - di-baca bagi kali yang pertama.

Yang Berhormat Enche Ngah: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadanan ini.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1969) TAMBAHAN YANG PERTAMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Enactment bagi menjejaskan sejumlah

wang daripada kumpulan wang yang di-satukan untuk menambahkan perbelanjaan bagi pekerjaan tahun 1969 dan memperuntukkan jumlah wang itu kepada maksud2 yang tertentu di-baca bagi kali yang kedua.

Ada-pun tujuan di-bawa Rang Undang2 ini ia-lah kerana hendak memberi kuasa berkanun bagi menambahkan bayaran2 yang tertentu yang akan di-perbuat bagi pekerjaan Tam Negeri ini dalam tahun 1969 melebihi perbelanjaan yang di-benarkan dengan jalan Undang2 Perbelanjaan (1969) tahun 1968. Jadi jumlah2 itu bagaimana yang tuan2 boleh baca dalam Jadual sampai daripada Kapala S:1, 2, 3, 10, 14, 17, 18 dan 20 jumlah-nya \$227,186/- dan keterangan2-nya ada di-lampiran Kertas Dewan Negeri bilangan 2 di-muka enam ia-itu dalam lampiran keterangan2 yang chukop lengkap di-situ dan harap-lah Dewan ini dapat membagi kelulusan supaya dapat di-jalankan segala kerja2 yang tambahan yang di-sebutkan itu.

Yang Berhormat Enche Ngah: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak berucap, chadangan supaya Rang Undang2 ini di-baca bagi kali yang kedua kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan di-persetujukan.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1969) TAMBAHAN YANG PERTAMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

Yang Berhormat Tuan Speaker: Meshuarat menjadi Jawatankuasa.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1969) TAMBAHAN YANG PERTAMA TAHUN 1969, TELAH DI-TIMBANGKAN DARI SAFASAL KA-SAFASAL DAN TELAH DI-PERSETUJUKAN DENGAN TIADA PINDAAN.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Meshuarat balek semula.

Bacaan kali yang ketiga

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ma'alomkan bahawa Rang Undang2 yang bernama Enactment bagi menggunakan sajumlah wang daripada kumpulan wang yang di-satukan untuk menambahkan perbelanjaan bagi pekerjaan tahun 1969 dan memperuntukkan jumlah wang itu kepada maksud2 yang tertentu yang berjumlah sebanyak \$227,186/- itu telah di-timbangkan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan ini dan telah di-luluskan dengan tidak ada apa2 pindaan dan sekarang ini saya pohon izin supaya Rang Undang2 ini di-baca bagi kali yang ketiga dan di-luluskan.

Yang Berhormat Enche Ngah: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

Chadangan ini di-hadapkan kepada meshuarat dan telah di-persetujukan.

ENACTMENT PERBELANJAAN (1969) TAMBAHAN YANG PERTAMA TAHUN 1969, DI-BACHA KALI YANG KETIGA DAN DI-LULUSKAN.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Rang Undang2 ini di-luluskan dan menjadi Undang2 Bilangan 3 tahun 1969.

C H A D A N G A N 2

Tambahan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekelan  
untuk Rancangan Kemajuan Bekelan Ayer Negeri Trengganu  
bagi tahun 1969

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membuat chadangan -

"Bahawa menurut fasal kecil 2 di-dalam fasal 4 Undang2 Kumpulan Wang Bekelan Ayer Negeri Trengganu Bil:7/1966, Dewan Negeri ini membuat

KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan untuk Rancangan Kemajuan Bekalan Ayer Negeri Trengganu bagi tahun 1969 bagaimana di-tentukan di-dalam JADUAL di-bawah ini:-

J A D U A L

<u>Kapala</u>	<u>Tajok</u>	<u>Tambahan</u>
68	Perbekalan Ayer	\$100,000/- "

Yang Berhormat Wan Ismail: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong chadangan ini.

Oleh kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak berucap, chadangan ini kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan di-persetujukan.

CHADANGAN INI DI-TERIMA.

Tambahan Peruntukan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan untuk Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1969

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon izin membawa chadangan -

"Bahawa menurut fasal kecil (3) di-dalam fasal 4 Undang2 Pembangunan Act, 1966, Dewan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan Peruntukan yang PERTAMA daripada Kumpulan Wang Bekalan untuk Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 1969 bagaimana di-tentukan di-dalam JADUAL di-bawah ini:-

J A D U A L

<u>Kapala</u>	<u>Tajok</u>	<u>Tambahan</u>
51	Kerjaraya ...	\$275,895
52	Kemajuan Tanah ...	300,000
53	Pertanian ...	73,000
64	Pembangunan Luar Bandar	<u>125,000</u>
Jumlah		<u>\$773,895</u> "

Yang Berhormat Inche Zakaria: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong, dan saya perchaya pehak Ahli2 Pembangkang yang terdiri daripada PAS dengan sebab dari sejak mula di-mulakan Dewan ini pada hari ini sama ada Rang Undang2 baik atau pun tambahan wang baik maka mereka itu telah mengambil kesimpulan dari sejak lima tahun berjuang dalam Dewan ini menunjukkan hari ini tidak ada tegoran daripada pehak Party PAS, pehak Pembangkang dalam Dewan ini, maka perchaya-lah Dewan ini mengambil kesimpulan bahawasa-nya apa yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan bagi memerintah Negeri Trengganu ini semua-nya betul dan benar...(KETAWA).

Yang Berhormat Tuan Speaker: Usul yang telah di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mendapat sokongan, siapa Ahli Yang Berhormat yang hendak berchakap?

Yang Berhormat Inche Lukman: Yang Berhormat Tuan Speaker...(KETAWA)... bukan hendak berchakap choma jangan-lah sampai begitu sekali Ahli Yang Berhormat itu mengatakan. Saya pehak kami yang tidak berchakap hari ini choma memandangkan bahawa Dewan Negeri Trengganu tinggal lagi empat, lima hari, jadi kalau membuat tegoran pun dalam masa empat, lima hari tidak jadi buat apa benda...(KETAWA)... kita berkira bersalam-salam ini hari dengan bail2 begitu sahaja tetapi nampak-nya Wakil Kuala Besut ini hendak chari balah lagi. Itu yang kami tidak berchakap, choma tinggal empat, lima hari, tidak guna. Jadi

bahang debu debang, debu debang hari ini tetapi kalau Wakil Kuala Besut hendak, hah sedia, bila2 boleh. Terimakasih...(KETAWA).

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya meng-uchap terimakasih banyak2, jadi saya nampak semua orang diam sahaja hari ini berkenaan dengan perkara perbelanjaan hari ini, jadi boleh-lah kita terima, kalau diam itu 'alamat bersetuju-lah, ini kata kaedah usol Ahli Ugama dia kata " اجماع سكوني ".

Yang Berhormat Haji Abdul Wahab: Tidak mahu berbalah.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: ... Tetapi yang biasa berlaku sekarang ini memang Kuala Besut dengan Ulu Besut itu memang dia tidak semenggah selama-lama-nya, dia sentiasa berlawan, fasal apa? Orang Kuala ini dia memang tidak setuju-lah kalau turun ayer bah itu yang bising2 sangat dia, dan orang Ulu itu pula kalau begitu dia pun tidak setuju juga, jadi kedua itu kita tidak boleh kira-lah antara dia dua itu kita tinggalkan-lah hal dia dua orang itu. Jadi itu-lah sahaja yang saya hendak chakap yang tujuan tambahan yang banyak pada hari ini nombor dua ia-lah berkenaan dengan peraduan Tanah Pinggir dan dalam soal Tanah Pinggir ini saya suka ma'alumkan bahawa mulai daripada tahun ini banyak dah lot2 Tanah Pinggir yang telah dapat di-potong getah-nya kebetolan pula getah ini naik harga jadi orang itu yang mana yang rajin dapat-lah, ada yang dapat sampai \$300/- pada satu lot dan ada yang \$200/- dan ada yang \$180/- dan ada yang belum dapat di-potong lagi, jadi itu menurut-lah keadaan2 orang2 pekerja-nya di-situ. Jadi itu sahaja yang saya hendak bagi tahu, dan berkenaan dalam bahagian pertanian ini pula kita mustahak hendak tambah perbelanjaan bagi kerja2 dalam bahagian "double cropping" atau pun sebagai-nya.

Oleh kerana tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat hendak beruchap, chadangan ini kemudian di-hadapkan kepada meshuarat dan di-persetujukan.

CHADANGAN INI DI-TERIMA.

#### T A N G G O H A N

Yang Amat Berhormat Menteri Besar: Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum Dewan ini saya chadang di-tanggohkan, saya suka-lah mengambil peluang pada hari ini bagi pehak diri saya sebagai Menteri Besar dan Ketua Kerajaan Negeri ini menguchapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada saudara2 saya Ahli2 Yang Berhormat khas-nya kepada Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat bagi seluruh Dewan ini kerana kerjasama yang telah Ahli2 Yang Berhormat beri kepada saya dalam menjalankan tugas memegang teraju Kerajaan selama lima tahun ia-itu-lah semenjak pilehanraya tahun 1964. Maka dalam menjalankan tugas sebagai Wakil2 Ra'ayat saya nampak Ahli2 Yang Berhormat sekelian telah menjalankan tugas-nya dengan baik dan telah mengeluarkan fikiran dan pendapat-nya yang baik kadang2 kita rasa Dewan ini rasa walau sekali pun dengan keadaan ada air-condition-nya, berhawa dingin, tetapi kadang2 kita rasa panas juga ia-lah dengan sebab bahathan2 yang di-buat dalam Dewan ini, dan kadang2 kita berjumpa juga dengan gelak ketawa dalam Dewan ini dan kadang2 kita nampak juga macham orang2 ada hendak bergaduh dalam Dewan ini. Jadi kejadiar2 ini kesimpulan-nya semata-mata dengan kerana tujuan yang satu tidak lain dan tidak bukan ia-lah kerana hendak membena bangsa dan negara kita dan membena negeri ini menjalankan tugas ra'ayat pada jalan yang baik bagi ra'ayat sekelian-nya. Dan begitu-lah juga saya mengambil peluang pada hari ini menyampaikan ucapan tahniah dan terimakasih saya bagi pehak Kerajaan Negeri ini kepada seluruh Pegawai2 Tinggi Kerajaan dan seluruh Pegawai2 Kerajaan yang di-bawah-nya daripada segenap peringkat di-atas kerjasama yang telah di-beri kepada Kerajaan Negeri ini dalam menjalankan tugas-nya masing2 semenjak lepas Pilehanraya tahun 1964 yang telah berlalu. Sebenar-nya saya rasa kita telah berbuat dengan segala daya upaya kita apa yang kita fikir patut untuk ra'ayat Negeri ini dengan mandate yang telah di-beri kepada kita selama lima tahun itu dan keterangan2 yang jelas tidak-lah perlu saya menerangkan kepada Ahli2 Yang Berhormat dengan kerana semua orang dapat melihat apa sahaja yang kita buat di-mana2 tempat juga di-dalam Negeri kita ini dan begitu-lah juga saya berharap bahawa segala apa perselisihan pendapat kita dalam Dewan ini hendak-lah kita sifatkan sebagai perkara biasa sahaja dan di-mana2 juga kita rasa Parlimen2 dalam Negeri2 yang

... 10.

besar2 lebeh2 lagi dahshat daripada apa yang berlaku dalam Dewan kita ini, yang boleh kita katakan Dewan kita ini sentiasa berjalan dengan aman dan damai kalau kita hendak bandingkan dalam satengah2 perkara umpama-nya biasa berlaku di-Negeri Jepun bahawa Ahli2 Parlimen-nya itu pernah keluar daripada bangku-nya pergi memukol Speaker di-atas tempat-nya itu ia-lah kerana apa? Satu hari Undang2 tidak di-luluskan bagi Ahli Parlimen wanita menuntut hak2 perempuan, jadi semua-nya turun terus pergi hentam Speaker dan kita tidak pernah berlaku di-dalam Malaysia kita ini. Dan satu hari di-Negeri Italy atau pun negeri mana tidak tahu, kita pernah dengar dengan bahan2 yang besar telah jadi lontar melontar di-antara satu sama lain dalam Dewan Parlimen mereka itu, jadi ini-lah menunjukkan bahawa dalam Malaysia kita ini telah berjalan dengan baik-nya dasar Parliamentary Democracy walau sekali pun kadang2 kita rasa hangat tetapi kita ada-lah dapat berjalan dengan baik; begitu-lah juga kalau kita hendak banding dalam Pilehanraya2 di-Negeri kita ini ada-lah lebeh baik daripada satengah2 Negeri yang lain dengan sebab walau kita bergaduh dalam pilehanraya, bertengkar dalam pilehanraya tetapi setelah tamat pilehanraya kita dapat berjalan dengan baik dan saya ingat dalam Negeri Trengganu kita ini khas-nya belum berlaku pembunuhan berkenaan dengan mas'alah2 pilehanraya, tidak sebagaimana berlaku dalam satengah2 negeri yang lain bagaimana dalam Philipina dan negeri2 lain berlaku pembunuhan, pergaduhan yang besar2 yang boleh mengakibatkan rosak-nya perpaduan ra'ayat dalam Negeri itu. Dan selain daripada itu saya mengambil peluang juga pada hari ini ia-itu-lah hendak menerangkan kepada Ahli2 Yang Berhormat sekalian bahawa Dewan Negeri kita ini akan di-bubarkan pada 20 haribulan ini dan itu-lah sahaja umur tiap2 Ahli Dewan Negeri ini ha-nya-lah sampai kepada 19 haribulan, dan 20 haribulan ini Dewan ini akan di-bubarkan jika mendapat keizinan dan persetujuan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan bagaimana biasa bila Dewan di-bubarkan, di-antara tarikh pembubaran-nya dalam tempoh 60 hari hendak-lah di-adakan satu pilehanraya umum ia-itu-lah di-beri kuasa kepada ra'ayat untuk menentukan apa chorak Kerajaan-nya dan siapa Wakil Ra'ayat-nya yang di-kahendakki oleh mereka dan tarikh2 penentuan nama penchalunan itu terpulang-lah kepada Surohanjaya Pilehanraya dan tarikh2 pengundian itu pun terpulang-lah juga kepada Surohanjaya Pilehanraya dan ini-lah sahaja saya bagi ucapan sabelom Dewan ini di-tanggohkan dan saya harap tiap2 saorang daripada Ahli kita sekalian berma'afan2 di-antara satu sama lain bagaimana yang di-katakan oleh Wakil daripada Ulu Besut itu khas-nya saya berharap di-antara Ulu Besut dengan Kuala Besut hendak-lah berbaik-baik dan berdamai-lah, jangan jadi bergaduh2 ayer hendak turun ka-Kuala orang Kuala tidak mahu terima, tolak balek ka-Ulu nanti jadi tenggelam Besut itu susah nanti. Jadi itu-lah sahaja ucapan saya dan saya mengambil peluang hari ini ia-itu-lah menhadangkan supaya Dewan ini di-tanggohkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker: Ahli2 Yang Berhormat sekalian, sabelom saya menanggohkan Dewan ini biar-lah saya berchakap sedikit - Saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Ahli2 Yang Berhormat dan juga kepada Ahli2 Majlis Kerja Kerajaan sekalian yang telah memberi sokongan kepada saya untuk mengetuai Dewan kita ini. Dan pada hari ini boleh-lah di-katakan kali yang akhir bagi Ahli2 Dewan ini bersidang oleh sebab itu saya harap mana2 Ahli2 Yang Berhormat yang akan mendapat mandate baru pada masa yang akan datang tentu-lah akan dapat berjumpa kembali. Jadi saya tidak ada apa-lah yang saya hendak berchakap dalam Dewan ini sekadar-nya saya sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada Ahli2 Yang Berhormat dan seluroh Ketua2 Pejabat dalam Negeri ini yang mana telah memberi kerjasama kepada Dewan kita dan anggota2 Dewan sekalian dan mari-lah kita berdo'a supaya mudah-mudahan Negeri kita ini dudok di-dalam keadaan aman dan damai. Sekian-lah, saya tanggohkan Dewan ini kepada satu masa yang akan di-beritahu kelak.

Persidangan Dewan Negeri di-tanggohkan pada pukul 10.45 pagi.

\* \* \* \* \*